

## **DATA PROTECTION NOTICE/NOTIS PERLINDUNGAN DATA**

I/We acknowledge that the personal information provided to Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad ('the Company'), whether now or in the future, may be used, recorded, stored, disclosed or otherwise processed by or on behalf of the Company (and its successors-in-title) for the following purposes:

*Saya/Kami mengakui bahawa maklumat peribadi yang diberikan kepada Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad ('Syarikat'), pada masa sekarang atau masa hadapan, mungkin digunakan, direkodkan, disimpan, dizahirkan ataupun diproses oleh Syarikat atau bagi pihak Syarikat (dan penggantinya) bagi tujuan berikut:*

- (a) to carry on insurance business;  
*untuk menjalankan perniagaan insurans;*
- (b) to market any insurance or financial related product or service or any alterations, variations, cancellation or renewal of such product or service;  
*untuk memasarkan sebarang produk atau perkhidmatan berkaitan insurans atau sebarang pindaan, variasi, pembatalan atau pembaharuan produk atau perkhidmatan sedemikian;*
- (c) to carry out research including historical and statistical purposes;  
*untuk menjalankan penyelidikan termasuk untuk tujuan sejarah dan statistik;*
- (d) to perform any claim or investigation or analysis of such claim;  
*untuk sebarang tuntutan atau penyiasatan atau analisis untuk tuntutan tersebut;*
- (e) to ascertain claims history in order to improve claims processing and prevent fraudulent claims;  
*untuk memastikan sejarah tuntutan, untuk memperbaiki proses tuntutan dan mengelakkan tuntutan palsu;*
- (f) to exercise any right of subrogation; and  
*untuk menjalankan sebarang hak subrogasi; dan*
- (g) to match any data in relation to me/us and my/our policy with the Company from time to time.  
*untuk memadankan sebarang data yang berkaitan dengan saya/kami dan polisi saya/kami dengan Syarikat dari semasa ke semasa.*

The Company may disclose and/or provide your personal information to the following parties for the purposes as aforesaid:-

*Syarikat boleh menzahirkan dan/atau memberi maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak berikut bagi tujuan yang dinyatakan di atas:-*

- (a) Company's Authorised Representative;  
*Wakil yang Dibenarkan Syarikat;*
- (b) third party service providers (who provide administrative, telecommunication, komputer, payment, data processing or storage, or other services to the Company in connection with the operation of its business) to fulfill its obligations to you;  
*pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan (pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, pemprosesan atau penyimpanan data, atau yang lain kepada Syarikat berkaitan dengan operasi perniagaan kami) bagi memenuhi tanggungjawab Syarikat kepada anda;*
- (c) insurance carriers, third-party claims adjusters, fraud detection and prevention services, reinsurance companies and insurance regulatory authorities;  
*syarikat insurans, penyelaras tuntutan pihak ketiga, perkhidmatan pengesanan dan pencegahan penipuan, syarikat insurans semula dan pihak berkuasa industri insurans;*
- (d) credit reference agencies or, in the event of default, any debt collection agencies;  
*sebarang agensi rujukan kredit atau jika gagal membuat bayaran, sebarang agensi pemungut hutang;*
- (e) insurance credit rating organizations that collect information about credit history, accident fault, injury description and amounts paid and share it to other insurance companies and others entitled to see it;  
*sebarang organisasi pengadaran kredit insurans yang mengumpul maklumat berkenaan sejarah kredit, punca kemalangan, maklumat kecederaan dan amaun yang dibayar dan berkongsi yang sama bersama syarikat insurans lain dan pihak lain yang berhak melihatnya;*
- (f) any person, who is under a duty of confidentiality to which has undertaken to keep such data confidential, which the Company has engaged to fulfill its obligations to you;

*mana-mana individu yang mempunyai tanggungjawab kerahsiaan dan telah mengakujaji untuk mengekalkan data tersebut sebagai rahsia, yang Syarikat telah melantik untuk menunaikan kewajipan Syarikat kepada anda;*

- (g) any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of the Company's rights or business;  
*mana-mana pemegang serah hak, penerima pindahan, peserta atau peserta bersama terhadap hak atau perniagaan Syarikat, sama ada sebenar atau dicadangkan;*
- (h) any person to whom the Company is under an obligation to make disclosure under the requirements of any law, rules, regulations, codes of practice or guidelines binding on the Company including, without limitation, any applicable regulators, governmental bodies; or industry recognized bodies such as the Persatuan Insurans Am Malaysia, and where otherwise required by law;  
*mana-mana individu di mana Syarikat bertanggungjawab membuat penzahiran di bawah peruntukan sebarang undang-undang, peraturan, pengaturan, kod amalan atau garis panduan yang mengikat ke atas Syarikat yang termasuk dan tidak terhad kepada manamana badan pengawalan, badan kerajaan, atau badan yang diiktiraf oleh industri seperti Persatuan Insurans Am Malaysia dan selainnya menurut undang-undang;*
- (i) other companies within the Company's group (for information, please log on to [www.oac.com.my](http://www.oac.com.my)) including those located outside Malaysia in particular Singapore.  
*syarikat lain yang bernaung di bawah kumpulan Syarikat (untuk maklumat lanjut, sila layari [www.oac.com.my](http://www.oac.com.my)) termasuk yang terletak di luar Malaysia khususnya di Singapura.*
- (j) By signing this form you consent to such use of your personal information including sensitive personal data.  
*dengan menandatangani borang ini, anda membenarkan penggunaan maklumat peribadi anda termasuklah data peribadi yang sensitif.*

You have access to certain personal information held by the Company based on the applicable data protection laws of Malaysia. You can access your personal information during office hours by calling Customer Service Care at 03-4259 7888.

*Anda boleh mengakses maklumat peribadi tertentu yang disimpan Syarikat berdasarkan undangundang perlindungan data berkenaan di Malaysia. Anda boleh mengakses maklumat peribadi anda pada waktu bekerja dengan menghubungi Customer Service Careline di 03-4259 7888.*

The Company may charge a reasonable fee for access, if required. If you can show that the personal information kept by the Company is inaccurate, incomplete and outdated, the Company will take the necessary steps to update them upon receiving your feedback and conducting the appropriate verification.

*Syarikat berhak mengenakan bayaran berpatutan untuk pemberian akses jika perlu. Jika anda boleh menunjukkan bahawa maklumat peribadi yang disimpan oleh Syarikat tidak tepat, tidak lengkap dan tidak terkini, Syarikat akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan ianya tepat, lengkap dan terkini selepas menerima pengesahan/maklumbalas anda.*

For more information on how the Company deals with your personal data, please log on to [www.oac.com.my](http://www.oac.com.my) and read the Company's Client Charter and Privacy Policy or contact the Company's Authorised Representative for a copy.

*Untuk maklumat lanjut berkenaan bagaimana Syarikat menggunakan data peribadi anda, sila layari [www.oac.com.my](http://www.oac.com.my) dan baca Piagam Pelanggan Syarikat dan Polisi Privasi atau hubungi Wakil yang Dibenarkan Syarikat bagi mendapatkan salinan.*